

Program TaME UMP Advanced

Penuhi keperluan semasa industri

UMP komited sedia graduan berpengetahuan ke arah Revolusi Perindustrian 4.0

Oleh Nik Sukry Ramli
niksukry@bh.com.my

Kuantan: Program komprehensif dengan pendekatan proses pembelajaran teradun, menjadi kekuatan utama pelajar Diploma Profesional Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi (TaME) diperkenalkan Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui UMP Advanced.

Naib Canselor UMP, Prof Ir Dr Wan Azhar Wan Yusoff, berkata program itu inisiatif pengurusan dan pembangunan bakat kepimpinan melalui kerjasama Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), selain mendapatkan sokongan daripada universiti awam (UA).

"Menjadi iltizam UMP memba-

ngunkan pelajar untuk keperluan industri dan melengkapkan pemimpin UA dengan pengetahuan serta kemahiran yang relevan dengan keperluan semasa.

"Melalui kerjasama rapat ini juga, UMP melalui UMP Advanced bukan sahaja memperkenalkan program akademik, tetapi turut merangkumi penyelidikan bagi bidang kompetensi kepimpinan dalam usaha melahirkan generasi baharu berkemahiran, khususnya dalam Revolusi Perindustrian 4.0.

"Selain memfokuskan kepada kejayaan yang ingin dicapai, perlu diingatkan bahawa banyak cabaran menanti, terutamanya dengan keadaan ekonomi dunia tidak menentu ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Makan Malam Bersama Graduan TaME di sini.

Wan Azhar turut melancarkan buku *Memimpin Yang Terpinpin: Model Kompetensi Bakat dan Kepimpinan Universiti Awam* hasil tulisan kakitangan akademik UMP; Universiti Teknologi Malaysia (UTM); Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) dan AKEPT diketuai Dr Mohamad Rozi Hassan dan Prof Madya Dr Ismie Roha



Wan Azhar (tengah) bersama Sabaruddin (kiri) dan Nordin melihat buku 'Memimpin Yang Terpinpin: Model Kompetensi Bakat dan Kepimpinan Universiti Awam' selepas merasmikan Majlis Makan Malam Bersama Graduan TaME di Kuantan.

Mohamed Jais.

Seramai 35 graduan TaME Kohort 2018/2019 diraikan pada majlis berkenaan.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP Advanced, Datuk Dr Sabaruddin Mohd dan Pengarah AKEPT, Prof Dr Nordin Yahya.

Beliau turut menyatakan bahawa UMP melalui UMP Advanced sentiasa komited menyokong agenda mempermudah akses pendidikan kepada golongan sasaran, serta menjadi pendorong kepada semua pihak untuk lebih berinovasi dan proaktif.

Katanya, modul sedia ada perlu

sentiasa melalui proses penambahbaikan kualiti akademik-industri, bagi memastikan ia kekal relevan untuk membina ekosistem pengurusan bakat lebih berwibawa dan seterusnya memastikan agenda pemerkasaan sumber manusia dalam kalangan pegawai UA dilaksanakan dengan baik.